

# POLISI PEMBERIAN DAN PENERIMAAN HADIAH, SUMBANGAN DAN HOSPITALITI KOLEJ POLY-TECH MARA SDN. BHD.

## LARANGAN MEMBERI DAN MENERIMA HADIAH, SUMBANGAN DAN HOSPITALITI OLEH WARGA KPTMSB

Mana-mana warga KPTMSB **TIDAK BOLEH** secara langsung atau tidak langsung memberi, meminta, menerima sebarang hadiah, ganjaran, keraian, hiburan, pinjaman, tajaan atau apa-apa nilai kewangan untuk diri sendiri, ataupun untuk orang lain daripada mana-mana orang, pihak-pihak ejen, pembekal, kontraktor atau pihak-pihak lain dalam melakukan tugas rasmi.

## PENERIMAAN HADIAH, SUMBANGAN DAN HOSPITALITI YANG MENJADI KESALAHAN

- a) Hadiah, sumbangan dan hospitaliti yang diterima atau diminta secara atau dengan niat rasuah (*corruptly or with corrupt intention*) bahawa ia adalah dorongan atau upah kepada warga KPTMSB itu bagi melakukan atau tidak melakukan (*to forebear*), atau kerana telah melakukan atau telah tidak melakukan sesuatu perbuatan berhubungan dengan hal ehwal atau urusan prinsipalnya atau dalam menjalankan kerja-kerja rasminya;
- b) Orang yang memberi Hadiah, sumbangan dan hospitaliti itu mempunyai perhubungan dengan kerja-kerja rasmi pegawai itu sendiri atau dengan kerja rasmi seseorang pegawai di bawahnya dia bekerja dan pemberian serta penerimaan itu tidak dibuat dengan suci hati (*not in good faith*), sebaliknya ia dilakukan dengan satu niat jenayah (*mens rea*); atau
- c) Hadiah, sumbangan dan hospitaliti itu diterima dengan niat jenayah (*mens rea*) daripada seseorang, yang pegawai itu ketahui telah, atau sedang, atau mungkin ada kena mengena dalam apa-apa urusan yang telah dijalankan, atau yang akan dijalankan, oleh pegawai itu (Seksyen 165, Kanun Keseksaan).

Setiap warga KPTMSB adalah bertanggungjawab untuk membaca, memahami dan melaksanakan Polisi ini. Pelanggaran terhadap polisi ini akan dikenakan tindakan tatatertib mengikut Kod Etika dan Tatakelakuan KPTMSB yang sedang berkuatkuasa.

Pernyataan Polisi ini hendaklah dibaca bersama dengan Polisi Pemberian Dan Penerimaan Hadiah, Sumbangan Dan Hospitaliti KPTMSB.